

# Komitmen kerjasama UMNO-Pas

**UTUSAN:** Apa pandangan Dr. tentang penyatuan UMNO-Pas yang akan dimeterai melalui piagamnya hari ini?

**MOHD. IZANI:** Piagam ini meletakkan penyatuan UMNO-Pas ke tahap yang lebih tinggi. Ini juga menggambarkan komitmen dan iltizam yang tinggi oleh kedua-dua parti untuk bekerjasama. Kedudukan UMNO dan Pas sebagai parti pembangkang memudahkan proses kerjasama ini terbina.

**Bagaimana penyatuan ini akan membentuk politik Malaysia menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15)?**

Ia akan memperkuat kedudukan politik Melayu sebagai teras politik Malaysia. Sememangnya sejak kemerdekaan, politik Melayu adalah asas kepada politik Malaysia. Sudah tentu, dalam PRU-15 nanti, jika pakatan pilihan raya antara UMNO dan Pas berjalan seperti yang dirancang, ia akan membawa kepada persaingan satu lawan satu.

**Pertama kali Pas masuk PWTC. Adakah ini isyarat Pas sudah boleh melupakan segala sengketanya dengan UMNO?**

Ya, Pas adalah parti yang berpengalaman bekerjasama dengan banyak parti politik termasuk parti kerajaan Pakatan Harapan (PH). Untuk beker-

## MUKADIMAH

## 5 Soalan

BUKAN hanya Piagam Muafakat Nasional Pas-UMNO, berkibarnya bendera Pas di bangunan milik UMNO, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) juga ada sejarahnya tersendiri. Berpuluhan tahun dua parti politik itu berseteru, akhirnya demi penyatuan ummah perseteruan itu ditamatkan dengan rasmi.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **KU**

**SYAFIQ KU FOZI** mendapatkan pandangan pensyarah Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **PROF. MADYA DR.**

**MOHD. IZANI MOHD. ZAIN**

tentang peristiwa bersejarah ini.



jasama, Pas perlu mengutamakan kepentingan bersama melangkaui kepentingan parti. Dan untuk itu, Pas perlu melupakan persengketaan selama ini demi perkara atau agenda yang lebih besar.

**Adakah penyatuan ini boleh disamakan dengan peristiwa penyatuan UMNO-Pas 1974?**

Matlamat sama, iaitu untuk menyatukan suara orang Melayu agar lebih kuat. Cuma bezanya, dulu UMNO adalah parti kerajaan, manakala Pas asalnya adalah parti pembangkang.

**Ada yang mendakwa penyatuan Pas dengan UMNO tidak akan kekal lama. Bagaimana kali ini?**

Setiap kali bekerjasama, parti yang terbabit akan berusaha untuk kekal dalam kerjasama politik. Hal ini sangat bergantung kepada komitmen yang tinggi oleh UMNO dan Pas. Kedudukan Pas dan UMNO sebagai pembangkang juga dilihat sebagai faktor utama kerjasama ini boleh dijayaikan dengan lebih jitu. Kedua-dua parti tidak meletakkan apa-apa syarat untuk bekerjasama, tidak seperti sebelum ini.